

11/11/1997

Ahli Pas diminta sokong Dr Mahathir

KUALA KRAI, Isnin - Semua ahli dan penyokong Pas diminta memberi sokongan kepada pimpinan negara, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah ekonomi negara, berikutan krisis matawang negara.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata walaupun pada dasarnya Pas menentang Umno, ia bukan bererti parti itu mahu bertindak mengkhianatinya.

Menurutnya, dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang, tindakan media asing mengecam sekali gus mendesak Dr Mahathir meletak jawatan bertujuan mengkucar-kacirkan kestabilan negara.

Beliau menasihatkan rakyat di negara ini agar tidak berkompromi dengan niat jahat pihak luar yang cuba mencabar kewibawaan dan kepemimpinan Perdana Menteri.

"Walau macam mana kita benci sekalipun, beliau tetap Perdana Menteri kita, begitu juga pemimpin lain.

"Masalah dia boros, membazir kita tidak sokong, begitu juga ketika dia menolak syariat Islam kita terpaksa lawan," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan dengan pemimpin Pas Kawasan Gua Musang, di Kampung Kemubu, dekat sini, semalam.

Nik Aziz yang juga Pesuruhjaya Pas negeri menegaskan pihaknya tidak mahu orang lain campur tangan dalam masalah dalaman di negara ini.

"Walau apa sekalipun isu yang dihadapi negara, kita tetap menyebelahi pemimpin kita."

"Kita memberi pembelaan kepada pemimpin adalah suatu hikmah dan kebijaksanaan memasti arus pembangunan terus berjaya," katanya.

(END)